

PM sedih Kelantan sanggup berbohong

itik parti adalah sebahagian daripada ajaran agama seperti yang dilakukan oleh pemimpin Kerajaan Kelantan.

"Kita sedar dalam Islam, agama tidak boleh dipisahkan dengan politik kerana politik adalah sebahagian agama. Kita tak boleh kata politik suku, agama suku.

"Tetapi ajaran agama tidak mengatakan politik parti adalah sebahagian ajaran Islam," katanya di majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Kubang Pasu, kira-kira 35 kilometer dari sini, malam ini.

Turut hadir di majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ahli Exco kerajaan negeri.

Selepas berbuka puasa bersama kira-kira 1,000 penduduk, Perdana Menteri dan isteri menunaikan solat Maghrib. Masjid itu terletak dalam kawasan Parlimen yang diwakili Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga kesal kerana pemimpin politik di Kelantan yang berla-

Perdana Menteri berkata, beliau mengetahui cadangan pemimpin Kerajaan Kelantan ingin menukarkan imam di masjid tempat beliau akan menunaikan solat Jumaat sebelum berlepas ke Kota Bharu.

Di samping itu, katanya beliau diberitahu oleh Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa, bahawa Majlis Agama Islam Kelantan (Maik) juga akan menghantar teks khutbah khas untuk dibaca di masjid berkenaan.

Katanya, teks khutbah itu dihantar kepada Annuar untuk disemak terlebih dahulu tetapi malangnya, apabila dibaca di hadapan jemaah, kandungannya berlainan daripada teks asal.

Beliau menasihatkan pemimpin Kerajaan Kelantan mengaku kesalahan mereka kerana cara itu lebih baik daripada mereka berdolak-dalik.

Dr Mahathir bimbang jika agama digunakan untuk politik parti, lama-kelamaan kepentingan politik akan mempengaruhi agama sehingga mereka yang terbabit sanggup melakukan perkara yang dilarang oleh agama.

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih apabila Kerajaan Kelantan yang mendakwa dirinya kerajaan Islam masih sanggup berbohong dan menyindir orang lain menerusi khutbah Jumaat.

Serentak dengan itu, Dr Mahathir mempersoalkan sama ada berbohong dan menyampaikan khutbah dengan niat menyindir orang tertentu adalah satu suruhan agama.

Beliau mengakui politik adalah sebahagian daripada agama menyebabkan kedua-duanya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain apatah lagi mengatakan politik adalah perkara yang berasingan dengan Islam.

Bagaimanapun, katanya Islam tidak pernah mengatakan bahawa poli-

gag seperti seorang yang cukup warak tetapi membenarkan 'anak buahnya' melakukan perkara yang tidak baik, iaitu memecahbelahkan orang Islam.

Katanya, walaupun seseorang cuba berlagak sebagai seorang yang baik tetapi membenarkan 'anak buah' mereka membuat perkara yang tidak baik, mereka sebenarnya tidak baik.

Beliau berkata, alasan yang diberikan pemimpin Kelantan kononnya mereka menghantar seorang 'budak' menjadi imam kerana tidak tahu bahawa Perdana Menteri akan bersembahyang di masjid berkenaan adalah satu pembohongan.

Beliau menasihatkan pemimpin terbabit jangan bercakap bohong pada bulan puasa kerana perbuatan itu tidak baik.